



**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN  
PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT ANTARABANGSA  
UiTM, USM, UNAIR & UMM**

**Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Bin Razali**  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pulau Pinang

Bersempena  
“MALAM KEBUDAYAAN ANTARABANGSA DAN  
JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI FAKULTI SAINS KESIHTAN,  
UiTM CAW PULAU PINANG KAMPUS BERTAM  
BERSAMA UNIVERSITAS AIRLANGGA DAN UNIVERSITAS  
MUHAMADIYAH MALANG, INDONESIA”

Di  
Dewan Zamrud 1 & 2, Tingkat 1, Hotel Seri Malaysia,  
Kepala Batas, Pulau Pinang

Pada  
9 Mei 2024/ 30 Syawal 1445H  
8:00-11:00 malam

Anjuran  
Fakulti Sains Kesihatan  
UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam

## **BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis (Dr. Nazar Mohd Zabadi Bin Mohd Azahar dan Puan Nurhidayah Sabri).

1. **Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah,**  
Penolong Rektor Kampus Bertam.
2. **Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi,**  
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar).
3. **Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Binti Abd Ghani,**  
Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni).
4. **Yang Berusaha Dr. Ratna Dwi Puji Astuti., S.K.M,**  
Mewakili Dekan, Fakultas Kesehatan Masyarakat, Universitas Airlangga, Indonesia.
5. **Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Wan Ismahanisa Binti Ismail,**  
Pengarah Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa di antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dan Universitas Airlangga, Indonesia.
6. **Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Abdul Hafiz Bin Ab Majid,**  
Pengarah Program Kolokium Antarabangsa di antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia, Malaysia, serta Universitas Airlangga, Indonesia.
7. **Barisan Ahli Pengurusan dan Wakil-wakil daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA, Universitas Airlangga, serta Universitas Muhammadiyah Malang, INDONESIA.**
8. Seterusnya, **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Malaysia Madani,  
Salam Nusantara,

1. Segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat Nabi junjungan Muhammad sallallahu alayhi wa sallam dan para sahabat baginda seluruhnya. Atas keizinan-Nya dapat kita sama-sama berkumpul dalam satu program iaitu **MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT ANTARABANGSA, BERSEMPENA DENGAN MALAM KEBUDAYAAN ANTARABANGSA DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI FAKULTI SAINS KESIHATAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM**. Alhamdulillah, seramai **SERATUS TUJUH PULUH ORANG (170)** orang peserta dari **EMPAT (4)** Universiti iaitu UiTM Cawangan Pulau Pinang, Universitas Airlangga (UNAIR), Universitas Muhammadiyah Malang (UMM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah bersama-sama kita pada malam ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

2. **TAHNIAH** dan **SYABAS** saya ucapkan kepada Fakulti Sains Kesihatan, Kampus Bertam sebagai **TUAN RUMAH** bagi penganjuran **Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa** yang telah dijalankan dari 6 hingga 9 Mei 2024. Program ini merupakan satu inisiatif untuk memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti setempat melalui kerjasama antarabangsa.
3. **Alhamdulillah** dan **jutaan terima kasih** yang tidak terhingga kepada **rakan kolaborasi dari Universitas Airlangga, Universitas Muhammadiyah Malang dan Universiti Sains Malaysia** yang sama-

sama menyumbang keringat dan masa dalam menjayakan program ini sepertimana yang dirancang.

4. Dengan pelaksanaan program khidmat masyarakat ini, bukan sahaja **jalinan kerjasama antarabangsa** di antara ke empat-empat universiti akan terus kekal, malah dapat **memupuk semangat muhibbah antara komuniti dan peserta serta pastinya menjadi anjakan paradigma buat semua yang terlibat**. Semoga semangat perjuangan dapat diteruskan dalam aktiviti kerja sosial dengan masyarakat setempat. Sesungguhnya peranan dan sumbangan yang dilaksanakan dapat memperkasa kesejahteraan masyarakat melalui aktiviti yang dianjurkan merupakan satu sumbangan yang begitu besar dan tidak ternilai harganya.
5. **TAHNIAH DAN SYABAS** sekali lagi di atas segala usaha yang berimpak sosial kepada masyarakat setempat dan alam sekitar, termasuk **program kolokium antarabangsa, program saintis muda, program bersama anak yatim, program 2P 'plogging and picturing', dan program bersama warga emas**. Inisiatif ini sudah pasti juga impaknya kepada universiti dengan melonjakkan nama dan ketanpakan universiti di persada dunia.

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

6. Saya amat terharu dan besar hati atas komitmen tinggi dan sumbangan besar yang diberikan oleh semua yang terlibat. Pengorbanan masa dan penat lelah demi menggalas amanah yang diberikan telah digalas dengan baik, untuk membantu dan mendekati mereka yang memerlukan. Hanya Allah Subhanahu Wa Taala sahaja mampu membalas jasa Tuan-tuan dan Puan-puan. Sebagaimana Allah berfirman dalam al-Quran bermaksud: "**Sesiapa**

yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami (Allah) akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya daripada kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan) dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak." (Surah ash-Shura, ayat 20).

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya amat yakin dan percaya, dengan **Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa** ini dapat membantu Tuan-tuan dan Puan-Puan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk memahami dengan lebih jelas tentang **nilai-nilai murni yang terbentuk seperti merapatkan hubungan ukhwah, memupuk sikap kerjasama, melahirkan nilai toleransi dan memupuk perpaduan sesama kita dan masyarakat** dan diharap agar program khidmat masyarakat ini dapat dilaksanakan secara berterusan dengan lebih efisien lagi di masa akan datang.
8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, Terima kasih sekali lagi dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada **Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** bersama delegasi dari **Universitas Airlangga dan Universiti Muhammadiyah Malang** dalam usahasama melaksanakan program khidmat masyarakat antarabangsa dan tidak dilupakan juga kepada **Universiti Sains Malaysia** sebagai penganjur kolokium yang pastinya semua program yang dilaksanakan adalah satu sumbangan begitu besar dan tidak ternilai harganya. Izinkan saya menyajikan 2 pantun kepada hadirin sekalian:

Ingin rasa memakan kari,  
Kari cendawan batang keladi,  
Girang rasa tidak terperi,  
Bertemu tuan puan yang baik budi.

Kelip-kelip ku sangka lampu,  
Rupanya kerlipan si kunang-kunang,  
Membanting keringat tanpa jemu,  
Ikhlas niatmu sentiasa dikenang.

Tangan dihulur maaf dipinta,  
Erat hubungan seantero dunia,  
Semoga gembira sesama kita,  
Di hari lebaran yang mulia,  
“SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI,  
MAAF ZAHIR DAN BATIN”.

9. Akhirul kalam, dengan lafaz **Bismillahirrahmannirrahim**, saya merasmikan **penutupan PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT ANTARABANGSA ANJURAN FAKULTI SAINS KESIHATAN, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM BERSAMA UNIVERSITAS AIRLANGGA DAN UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH MALANG, INDONESIA serta UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.**

Sekian. *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.